

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Malaysia

TARIKH : Jumaat, 17 Oktober 2014

M/S : 26

Karnival Semarak Jawi@Kedah 2014 bermula semalam

ALOR SETAR 16 Okt. - Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menerusi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam negeri menganjurkan Karnival Semarak Jawi@Kedah 2014 selama tiga hari bermula hari ini.

Karnival Semarak Jawi @Kedah 2014 yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Bandar Muadzam Shah, Anak Bukit di sini bertujuan untuk membudayakan tulisan jawi dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, karnival tersebut juga diadakan bagi menyemarakkan lagi kepentingan serta kelebihan penggunaan tulisan jawi di negara ini.

Majlis perasmian karnival disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Datuk Ab-

dul Aziz Abdul Ghani yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Yang turut hadir Ketua Pengarah PNM, Nafisah Ahmad.

Antara acara menarik yang diadakan sepanjang program ialah pertandingan khat jawi, pertandingan tulisan jawi cantik, pertandingan mewarna jawi, pertandingan sahibba jawi, pertandingan bina kata jawi serta lain-lain.

Selain itu, ceramah perdana yang membariskan penceramah terkemuka seperti Ustaz Sheikh Ahmad Faisol Omar dan Ustaz Wan Akashah Wan Abdul Hamid juga akan diadakan esok sempena dengan karnival tersebut pukul 9 malam.

Orang ramai dijemput hadir ke karnival berkenaan ntuk bersama-sama memartabatkan tulisan jawi.



ABDUL Aziz Abdul Ghani (dua dari kanan) melihat demonstrasi pemuliharaan manuskrip melayu sambil diperhatika Nafisah Ahmad (kanan) pada Karnival Semarak Jawi @Kedah 2014 di Anak Bukit, Alor Setar, semalam.
- UTUSAN/SAFRIZAL AZMI